

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

University Social Responsibility Program (USR) di SMA A. Wahid Hasyim, Tebuireng, Jombang Indonesia

**SUTINA JUNOS, AFIZAN AMER, MUHAMMAD HAFIZ ALI
& AHMAD SOUFIEAN OTHMAN**

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah berjaya menganjurkan 'FPP Outreach Programme' Projek Kolaborasi Pengantarabangsaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Universitas Hasyim Asy'ari (UNHASy) pada 11 September 2023 sehingga 15 September 2023 bertempat di Universitas Hasyim Asy'ari (UNHASy) Jombang, Surabaya Indonesia. Program ini disertai oleh 35 orang yang terdiri daripada 4 orang Pensyarah FPP, 2 orang Staf Residen Kolej, seorang staf Unit Pengurusan Kolej, 24 orang pelajar Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), 4 orang pelajar Majlis Tertinggi Diploma Business Society dan D'Bankers UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.

Antara aktiviti yang dijalankan di sana pada 13 September 2023 ialah program University Social Responsibility (USR) yang merupakan satu aktiviti khidmat masyarakat bersama delegasi UiTM, Mahasiswa UNHASy dan pelajar sekolah SMA A. Wahid Hasyim, Tebuireng, Jombang Indonesia. Program merupakan satu inisiatif global yang bertujuan untuk mempromosikan dan menggalakkan tanggungjawab sosial di kalangan mahasiswa universiti dan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan peranan universiti dalam menangani cabaran masyarakat serta memupuk pembangunan mampan.



Dengan bertemakan Mahasiswa Bersatu Masyarakat Jitu, pelajar pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Malaysia dengan kerjasama Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) UNHASy telah merangka aktiviti aktiviti yang merangkumi pelbagai cabang, dimana ianya mampu meningkatkan kemahiran sosial seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerjasama dalam kumpulan, kemahiran kreatif dan inovatif dan pada masa yang sama dapat melahirkan masyarakat yang sihat, cergas, dan cerdas. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Drs.

H. Djoko Suwono, Kepala Sekolah SMA A.Wahid Hasyim, Tebuireng dan dihadiri oleh Pihak Pengurusan UNHASy dan UiTM.

Terdapat tiga (3) aktiviti utama yang dijalankan iaitu Sesi Perkongsian Study Skills, Art & Craft Activity dan Sukaneka. Sesi Perkongsian Study Skills telah disampaikan oleh 3 orang pelajar wakil setiap fakulti di UiTM Kampus Rembau kepada 30 orang pelajar SMA A.Wahid Hasyim berkenaan perkongsian berkaitan pengajian, tips belajar secara berkesan dan mencapai keputusan yang baik. Sesi ini di meriahkan lagi dengan permainan dan kuiz. Aktiviti seterusnya ialah Art & Craft Activity pula dijalankan juga bersama 30 orang pelajar sekolah tersebut di mana pelajar dikehendaki menghias tshirt putih, tote bag dan cawan kertas yang disediakan mengikut kreativiti masing-masing menggunakan acrylic paint color dan peralatan yang telah

disediakan oleh pihak UNHASY. Aktiviti ini dapat menyerlahkan bakat terpendam pelajar-pelajar. Aktiviti yang terakhir ialah sukaneka juga bersama 30 orang pelajar sekolah yang dijalankan di padang sekolah. Antara acara yang dijalankan adalah dari mata ke mulut, terowong ulat bulu, rantai kasih dan titi melayang.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan di hujung program dan pada sesi tersebut juga cenderamata UiTM telah diserahkan kepada wakil sekolah yang amat berterima kasih kepada pihak UiTM dan UNHASY kerana program sebegini dapat meningkatkan semangat para pelajar sekolah dalam pembelajaran dan berekreasi. Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektif penganjuran. Program ini juga telah mendapat maklum balas yang baik dari para peserta dan merupakan satu langkah tepat dalam perkongsian idea dan amalan terbaik dalam melaksanakan kerjasama di antara dua negara.

